




MANUAL
TADBIR URUS
1 UiTM: MULTISISTEM

6 | TADBIR URUS JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Universiti Teknologi MARA
SHAH ALAM


EDARAN TERHAD



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

6

TADBIR URUS
**JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI
DAN KEUSAHAWANAN**
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Universiti Teknologi MARA
SHAH ALAM

EDARAN TERHAD

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Tadbir Urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan	
1.0 Pendahuluan	3
2.0 Latar Belakang	4
3.0 Asas Penyediaan Tadbir Urus	5
4.0 Institusi Tadbir Urus	6
5.0 Struktur Tadbir Urus	9
6.0 Senarai Jawatankuasa	9
7.0 Risiko dan Peluang	10
8.0 Had Kuasa Tadbir Urus	12
9.0 Rumusan	16
10.0 Rujukan	17
Lampiran F1 : Struktur Tadbir Urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan	18
Lampiran F2 : Struktur Organisasi Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan	20
Lampiran F3 : Carta Fungsi Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan	22
 Panduan Tadbir Urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan	
1. Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JIKJU)	27
2. Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)	32

TADBIR URUS JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Pejabat Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN) berperanan dalam menyedia dan mengemaskini tadbir urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan.

Tadbir Urus ini merupakan satu rujukan utama punca kuasa dalam hal ehwal berkaitan jaringan universiti-industri, komuniti, alumni dan keusahawanan.

Tadbir urus ini menjelaskan hubungan dan had kuasa jawatankuasa mengikut peringkat sama ada Strategik, Eksekutif ataupun Operasi selain penurunan kuasa di setiap peringkat tersebut.

Tadbir urus ini dirangka untuk:

- i. Menentukan hubungan dan kaedah pelaporan antara jawatankuasa mengikut peringkat;
- ii. Menentukan terma rujukan, struktur fungsi dan tanggungjawab jawatakuasa berkaitan dengan hal ehwal jaringan universiti-industri, komuniti, alumni dan keusahawanan;
- iii. Menyediakan saluran rasmi bagi rujukan, perbincangan, dan pembuatan keputusan berkaitan dengan hal ehwal jaringan universiti-industri, komuniti, alumni dan keusahawanan.

2.0 LATAR BELAKANG JABATAN

Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah ditubuhkan pada tahun 2007. Pada tahun 2016 melalui program transformasi universiti, Bahagian Akademi Pembangunan PKS & Keusahawanan Malaysia (MASMED) yang sebelumnya melapor kepada Naib Canselor telah dipindahkan di bawah pengurusan Pejabat ICAN.

Justeru, dengan kemasukan MASMED ke dalam ICAN, Majlis Eksekutif Universiti dalam mesyuarat Bil.1/2017 pada 4 Januari 2017 telah meluluskan pertukaran nama ICAN sebagai Pejabat Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN).

Peranan utama Pejabat ICAEN adalah sebagai pusat yang bertanggungjawab terhadap aktiviti perhubungan serta jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan di samping menyumbang kepada keperluan industri, komuniti dan alumni dalam bentuk perkongsian pengetahuan, kefahaman, kepakaran, nasihat perundingan, penyelidikan dan pelbagai lagi.

Selain daripada itu, ICAEN melalui Bahagian MASMED juga berperanan dalam aspek-aspek yang melibatkan keusahawan terutama dalam merancang, mempromosi, menganjurkan dan menggalakkan program-program yang berbentuk keusahawanan sama ada dalam kalangan mahasiswa, para akademik, staf universiti mahupun agensi, komuniti dan pihak industri luar.

Bagi mencapai visi UiTM, Pejabat ICAEN bertekad untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya melahirkan graduan yang berdaya saing, global dan beretika. Pejabat ICAEN juga bertindak sebagai pemudahcara dalam pembangunan dan penyebaran ilmu berimpak tinggi di antara universiti, industri dan masyarakat ke arah melestarikan kerjasama pintar untuk manfaat pemegang taruh.

3.0 ASAS PENYEDIAAN TADBIR URUS

Punca kuasa asas penyediaan tadbir urus berdasarkan kepada:

1. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) 1 September 2015
2. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 1/2017
3. Akta 173: Akta Universiti Teknologi MARA 1976
 - i. Bahagian II, Seksyen 4A (1) (a, b, c, ca) (Punca Kuasa Aktiviti Jaringan)
 - ii. Bahagian II, Seksyen 9 (1) (a, b) (Punca Kuasa Alumni)
 - iii. Bahagian II, Seksyen 10 (Punca Kuasa Menjalankan Perniagaan)
 - iii. Bahagian II, Seksyen 11 (Punca Kuasa Melantik Agen)
 - iv. Bahagian III, Seksyen 16B. (1) (2) (3) (Punca Kuasa Alumni)
 - v. Bahagian V, Seksyen 24 (2) (c,d,e,f,g) (Punca Kuasa Penubuhan Tabung Endowmen)
 - v. Bahagian V, Seksyen 25 (1) (2) (Punca Kuasa Penubuhan Tabung Endowmen)
 - vi. Bahagian V, Seksyen 28 (1) (2) (3) (4) (Punca Kuasa Menerima Sumbangan)
 - vii. Bahagian VI, Seksyen 34 (b) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)
 - viii. Bahagian VI, Seksyen 34 (a) (g, h) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)

Tadbir Urus jaringan universiti-industri, komuniti, alumni dan keusahawanan dirangka berdasarkan tadbir urus universiti, yang mengambil kira tiga (3) peringkat iaitu Strategik, Eksekutif dan Operasi.

Tadbir Urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan disediakan berasaskan kepada fungsi teras berikut:

- i. Merangka dan memperkuuhkan perkongsian strategik antara universiti-industri-komuniti-alumni;
- ii. Memperkuuhkan pembangunan holistik pelajar;
- iii. Menyediakan dan melaksanakan perancangan komuniti yang mampan;
- iv. Meningkatkan daya keusahawanan sosial; dan
- v. Mempertingkatkan dan memperkuuhkan modal sosial pelajar.

Bagi memastikan pembinaan serta pengukuhkan hubungan strategik berkaitan hal ehwal jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan, dua (2) peringkat jawatankuasa yang berbeza telah dibentuk mengikut punca kuasa, kebertanggungjawaban, kompleksiti dalam membuat keputusan dan skop sesuatu fungsi.

4.0 INSTITUSI TADBIR URUS

Pejabat Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN) berfungsi sebagai pemudahcara (facilitator) atau pusat sehenti (one-stop centre) untuk semua aktiviti jaringan industri, komuniti, alumni serta keusahawanan yang dijalankan di peringkat UiTM induk maupun di peringkat fakulti atau UiTM Cawangan.

Pejabat ICAEN mempunyai 3 (tiga) bahagian utama iaitu :

- i. Bahagian Akademi Pembangunan PKS & Keusahawanan Malaysia (MASMED)
- ii. Bahagian Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN)

iii. Bahagian Pentadbiran;

Kekuatan Pejabat ICAEN yang diterajui oleh seorang Timbalan Naib Canselor adalah seramai 73 orang di mana beliau bertanggungjawab terhadap bahagian MASMED, ICAN dan Pentadbiran Am.

MASMED yang mempunyai seramai 41 orang staf diterajui oleh seorang Penolong Naib Canselor dan disokong oleh dua (2) orang Pengarah, enam (6) orang Ketua Unit dan seorang (1) Penolong Pendaftar Kanan termasuk 18 orang staf sokongan.

Manakala Bahagian ICAN pula diterajui oleh seorang Pengarah bersama tiga (3) orang Timbalan Pengarah, seorang Ketua Unit, dua (2) orang Penolong Pendaftar Kanan, seorang Penolong Pendaftar serta 11 orang staf sokongan.

Hal Ehwal Pentadbiran, Pejabat ICAEN diketuai oleh seorang Ketua Timbalan Pendaftar dan disokong oleh seorang Penolong Pendaftar Kanan, seorang Pegawai Eksekutif dan seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat serta 9 orang staf sokongan. Selain daripada tiga (3) bahagian utama yang terdapat di bawah ICAEN, terdapat satu lagi Pusat yang diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat TNC ICAEN, iaitu Pusat Komunikasi ICAEN yang diketuai oleh seorang Ketua Pusat yang bertanggungjawab terhadap semua perhubungan awam, komunikasi, bahan penerbitan, promosi serta laman sesawang ICAEN.

Punca kuasa tadbir urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan bagi seluruh sistem universiti adalah terdiri daripada :

1. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) 1 September 2015
2. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 1/2017
3. Akta 173: Akta Universiti Teknologi MARA 1976
 - i. Bahagian II, Seksyen 4A (1) (a, b, c, ca) (Punca Kuasa Aktiviti Jaringan)

- ii. Bahagian II, Seksyen 9 (1) (a, b) (Punca Kuasa Alumni)
- iii. Bahagian II, Seksyen 10 (Punca Kuasa Menjalankan Perniagaan)
- iii. Bahagian II, Seksyen 11 (Punca Kuasa Melantik Agen)
- iv. Bahagian III, Seksyen 16B. (1) (2) (3) (Punca Kuasa Alumni)
- v. Bahagian V, Seksyen 24 (2) (c, d, e, f, g) (Punca Kuasa Penubuhan Tabung Endowmen)
- v. Bahagian V, Seksyen 25 (1) (2) (Punca Kuasa Penubuhan Tabung Endowmen)
- vi. Bahagian V, Seksyen 28 (1) (2) (3) (4) (Punca Kuasa Menerima Sumbangan)
- vii. Bahagian VI, Seksyen 34 (b) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)
- viii. Bahagian VI, Seksyen 34 (a) (g) (h) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)

Bagi melancarkan fungsi Pejabat ICAEN sebagai pemudahcara dan pusat sehenti untuk semua aktiviti jaringan, keusahawanan dan penjanaan pendapatan, dua (2) peringkat jawatankuasa yang berbeza telah dibentuk mengikut punca kuasa dan proses membuat keputusan mengikut skop dan fungsi jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa yang diwujudkan berkaitan dengan fungsi dan skop jaringan universiti-industri, komuniti, alumni dan keusahawanan berada di peringkat eksekutif dan peringkat operasi di mana pada peringkat eksekutif, jawatankuasa yang diwujudkan adalah Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti yang bertanggungjawab memantau aktiviti jaringan di peringkat UiTM cawangan (Operasi).

5.0 STRUKTUR TADBIR URUS ICAEN

Struktur Tadbir Urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan seperti di Lampiran F1

6.0 SENARAI JAWATANKUASA

- 6.1 Jawatankuasa berkaitan dengan jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan mengikut peringkat adalah seperti berikut :

Peringkat Strategik	Peringkat Eksekutif	Peringkat Operasi
SENAT	Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU)	Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)

- 6.2 Maklumat ringkas jawatankuasa peringkat strategik, eksekutif dan operasi adalah seperti berikut:

Bil	Jawatankuasa	Pengerusi	Urusetia/Sekretariat
1.	SENAT	Naib Canselor	Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA)
2.	Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU)	Timbalan Naib Canselor ICAEN	Bahagian Pentadbiran Pejabat ICAEN
3.	Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)	Rektor	Pejabat ICAEN Negeri

7.0 RISIKO DAN PELUANG TADBIR URUS JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI & KEUSAHAWANAN

- 7.1 Pengurusan risiko, Tadbir Urus Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan mengambilkira kebarangkalian risiko terhadap pencapaian objektif keseluruhan pusat tanggungjawab (PTJ) yang terlibat di dalam aktiviti jaringan jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan sama ada di peringkat induk mahupun di peringkat negeri.

Dalam konteks risiko tadbir urus jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan, kesemua risiko yang dijangka adalah berada di tahap rendah.

Antara kategori risiko utama yang berkemungkinan dihadapi hasil daripada pembentukan jawatankuasa ialah :

- i. Risiko Tadbir Urus

Pertindihan fungsi tugas di antara jawatankuasa di peringkat negeri disebabkan oleh ketidakselarasan fungsi dan tugas utama setiap jawatankuasa di samping tiada manual fungsi yang dapat membezakan jawatankuasa-jawatankuasa yang ada.

Memandangkan salah satu fungsi jawatankuasa adalah untuk meluluskan dan mengesahkan permohonan penganjuran aktiviti dan program, maka kemungkinan berlakunya kelewatan kelulusan program. Ini akan memberi kesan kepada pelaksanaan program (eg. pembayaran, tempahan dan lain-lain).

- 7.2 Pembentukan jawatankuasa di bawah tadbir urus universiti juga secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang-peluang yang menjurus kepada aktiviti jaringan industri, komuniti, alumni mahupun keusahawanan selain dapat mewujudkan peluang-peluang bagi penjanaan pendapatan di setiap UiTM Cawangan.

Antara peluang-peluang yang boleh wujud melalui pembentukan jawatankuasa ialah:

i. Dapat mewujudkan sistem dan aliran kerja yang lebih teratur dan efisien

Melalui pembentukan jawatankuasa di setiap negeri, akan dapat menambah nilai kepada proses pembuatan keputusan yang lebih telus dan efisien. Selain daripada itu, dengan wujudnya jawatankuasa di setiap negeri maka proses dan prosedur kerja akan dapat diselaraskan untuk melancarkan perjalanan sesuatu program.

Pemantauan daripada jawatankuasa terhadap fakulti-fakulti di bawahnya akan dapat membantu universiti mencapai misi dan visi serta objektif universiti melalui aktiviti jaringan yang lebih tersusun dan bersepadan.

ii. Perkembangan bakat

Dengan wujudnya jawatankuasa di setiap negeri, maka lebih ramai staf akan berpeluang dan berpotensi untuk mengembangkan bakat kepimpinan melalui perlantikan ke dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk.

iii. Perkongsian maklumat dan percambahan idea

Peluang untuk perkongsian maklumat antara PTJ amat luas melalui perbincangan di dalam jawatankuasa. Maklumat daripada sesebuah fakulti dapat disebarluaskan kepada fakulti lain melalui perbincangan jawatankuasa.

Selain daripada itu, percambahan idea dan perkongsian kepakaran dalaman juga dapat berlaku antara fakulti melalui program-program yang dianjurkan oleh fakulti yang berkaitan.

iv. Peningkatan peluang kolaborasi

Melalui pembentukan jawatankuasa di peringkat negeri, PTJ yang berada di negeri-negeri berpeluang untuk meningkatkan dan mengukuhkan kolaborasi bersama pihak luar selain dapat menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak industri, komuniti dan alumni daripada lain-lain PTJ.

8.0 HAD KUASA TADBIR URUS JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI & KEUSAHAWANAN

Bil	Proses	Peringkat			
		Operasi	Eksekutif	Strategik	
		JKJN	JKIJU	SENAT	LPU
1.	Senarai syarikat, individu dan alumni yang berminat untuk menyumbang/menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti dan umum)	S	M		
2.	Jenis perniagaan bersesuaian dengan kepakaran Kampus/Fakulti	C	M	L	
3.	Kertas kerja permohonan penjanaan pendapatan mengikut persetujuan dari penyumbang	S	M		
4.	Penubuhan endowmen	C	S		P
5.	MoA/MoU/Lol	C	M		P
6.	Trust Deed (Arahan Amanah)	SY	M		P
7.	Laporan jaringan industri, komuniti, alumni, keusahawanan, kebolehpasaran graduan dan penjanaan pendapatan	S	M	P	
8.	Program jaringan industri dan sangkutan industri	L	M		
9.	Kertas cadangan projek yang diberi bersesuaian dengan polisi universiti	L	M		
10.	Mempromosikan program jaringan, sangkutan industri, dan mengenalpasti industri yang bersesuaian	L	M		
11.	Program Kebolehpasaran Pelajar	L	M		
12.	Program Jaringan, Masyarakat dan Masyarakat Istimewa	L	M		
13.	Program Alumni	L	M		
14.	Program Keusahawanan	L	M		

A. PERINGKAT STRATEGIK

1. Senat

Perkara	Negeri/ Fakulti	JKIJU	Senat	LPU
Memperaku laporan-laporan berkaitan dengan aktiviti jaringan dan kebolehpasaran pelajar			P	
Mengesyorkan pelaksanaan dan pematuhan dasar-dasar kementerian dan universiti berkaitan jaringan PTJ			P	

B. PERINGKAT EKSEKUTIF

1. Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU)

Perkara	Negeri/ Fakulti	JKIJU	Senat	LPU
Mengesyorkan kepada Senat berkaitan dengan aktiviti dan hal ehwal jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan		Sy	P	
Menyediakan garis panduan dan polisi berkaitan dengan jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan		S	P	
Menetapkan sasaran aktiviti jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan untuk dijalankan oleh PTJ		S	P	

Perkara	Negeri/ Fakulti	JKIJU	Senat	LPU
Mencadangkan penambahbaikan yang berkaitan dengan aktiviti jaringan industri, komuniti, alumni, keusahawanan, aktiviti kebolehpasaran pelajar dan aktiviti penjanaan pendapatan fakulti dan kampus cawangan		L	P	M
Meluluskan senarai syarikat atau individu yang berminat untuk menyumbang/ menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti dan umum)	C	L		
Meluluskan jenis perniagaan bersesuaian dengan kepakaran kampus / fakulti dan cadangan penjanaan pendapatan di kampus cawangan	C	L		

C. PERINGKAT OPERASI

1. Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)

Perkara	Negeri/ Fakulti	JKIJU	Senat	LPU
Meluluskan kertas cadangan projek bersesuaian dengan polisi Universiti (kecuali UiTM Cawangan Selangor dan UiTM Cawangan berfakulti);	L			
Mengesyorkan program jaringan industri, komuniti, alumni, keusahawanan, dan kebolehpasaran graduan yang merujuk dasar dan garis panduan universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi	Sy	S		

Perkara	Negeri/ Fakulti	JKIJU	Senat	LPU
Mengesyorkan program-program jaringan bersama industri, komuniti, alumni, program keusahawanan dan program kebolehpasaran graduan untuk dijalankan oleh fakulti dan PTJ negeri	Sy	S	S	
Menyediakan laporan berkala kepada Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti	Sy	S		
Mengambil maklum laporan berkala jaringan industri fakulti dan kampus	M			
Mencadangkan senarai syarikat & individu yang berminat untuk menyumbang/ menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti dan umum)	C	M		
Mengesahkan senarai syarikat& individu yang berminat untuk menyumbang/ menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti dan umum)	S	P		
Mencadangkan jenis perniagaan bersesuaian dengan kepakaran fakulti / kampus	C	P		
Mengesahkan kertas kerja untuk diperaku oleh Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti	S	P		
Mengesahkan penubuhan endowmen peringkat negeri	S	M	S	P

Perkara	Negeri/ Fakulti	JKIJU	Senat	LPU
Mencadangkan Trust Deed (Arahan Amanah) yang dipersetujui bersama	C	S	P	M
Mengesahkan senarai MoA/MoU yang disediakan oleh Fakulti dan PTJ	S	M	S	

Petunjuk :

C = Cadang; P = Peraku; L = Lulus; S = Sah; SY = Syor; M = Maklum

LPU = Lembaga Pengarah Universiti
 JKIJU = Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti
 JKJN = Jawatankuasa Jaringan Negeri

9.0 PENUTUP

Secara dasarnya, amalan struktur tadbir urus yang dilaksanakan oleh ICAEN adalah lebih menjurus kepada konsep pemudahcara dan pusat rujukan setempat atau ‘one stop centre’ dan bukannya menjalankan sistem tadbir urus secara berpusat. ICAEN telah memberikan lebih kuasa autonomi dalam rangka kerja perundangan malahan dalam segala bentuk pelaksanaan aktiviti kepada cawangan mahupun fakulti dalam merencana aktiviti mereka.

Sistem tadbir urus yang dipersetujui antara kedua pihak adalah lebih berbentuk persefahaman dalam mengurus dan menjalankan aktiviti dalam kampus mahupun di peringkat antarabangsa. Pihak cawangan dan fakulti digalakkan menghantar maklumat dan pelaporan mengenai perancangan dan aktiviti untuk dimuatkan dalam pelaporan serta dokumentasi terbitan tahunan ICAEN. Tatacara dan konsep yang diamalkan oleh ICAEN adalah berteraskan amalan yang digunakan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTM.

10.0 RUJUKAN


- 10.1 Akta 173: Akta Universiti Teknologi MARA 1976
- 10.2 Laporan Tahunan UiTM
- 10.3 Laporan RMK-10
- 10.4 Laporan RMK-11
- 10.5 Manual Struktur Tadbir Urus Pejabat Pendaftar
- 10.6 Minit Mesyuarat MEU

Peringkat 1 : Strategik

Peringkat 2 : Eksekutif




Peringkat 3 : Operasi




*Nota : Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP) diletakkan di bawah pengurusan Pejabat Naib Canselor


KOMUNITI, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI MARA




STRUKTUR ORGANISASI JARINGAN INDUSTRI
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS



USTRI, KOMUNITI, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN TI TEKNLOGI MARA



CARTA FUNGSI JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



KOMUNITI, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI MARA

ib Canselor ICAEN

Pusat Jaringan Alumni

mbina dan mengemaskini
ngkalan data alumni
versiti dengan kerjasama
ulti, kampus dan
satuan-persatuan alumni

njadi perantara antara
versiti dan alumni bagi
angsang hubungan
tegik yang berterusan

maksimumkan modal
ial alumni dalam aktiviti
ademik, pelajar dan
dmat masyarakat

nggalakkan penjanaan
ndapatan universiti melalui
itiv bersama alumni

MASMED

Pusat Pembangunan Modal Insan Keusahawanan

Program/Latihan Keusahawanan

- Melaksanakan program latihan, seminar, bengkel dan pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar UiTM
- Penganjuran program pembudayaan keusahawanan kepada pelajar UiTM dengan penglibatan agensi kerajaan/swasta/industri dalam dan luar Negara
- Mewujudkan jalinan hubungan kerjasama antara agensi luar dan pelajar bagi menggalakkan peluang perniagaan.
- Merancang dan menguruskan bajet latihan program keusahawanan
- Pengurusan Penyelarasan aktiviti keusahawanan di seluruh fakulti dan kampus cawangan
- Pengumpulan data pelajar dalam pengajian yang menjadi usahawan

Tunas Mekar

- Pengurusan program keusahawanan di bawah program Tunas Mekar IPT
- Mengendali pemilihan peserta Tunas Mekar dan padanan Pengusaha
- Pengurusan konvoikesyen untuk graduan Tunas Mekar di seluruh Negara
- Penyelarasan pemantauan alumni Tunas Mekar
- Penyelarasan aktiviti keusahawanan Tunas Mekar di kampus cawangan

Tabung Keusahawanan Siswa

- Memberi bantuan pinjaman kewangan kepada usahawan pelajar UiTM
- Memberi peluang kepada usahawan pelajar UiTM untuk mengembangkan lagi perniagaan

Pusat Latihan, Penyelidikan dan Pengajian Keusahawanan

Latihan

- Penawaran latihan keusahawanan untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing
- Menawarkan program keusahawanan kepada pihak kementerian/agensi kerajaan dan usahawan PKS
- Melahirkan tenaga pensyarah dalaman dan luaran dalam bidang keusahawanan yang mampu menjadi pembimbing/penasihat serta mentor kepada pelajar
- Penyediaan modul latihan keusahawanan bagi memenuhi keperluan latihan yang diperlukan oleh stakeholder

Penyelidikan

- Menggalakkan projek-projek penyelidikan kepada para Pensyarah MASMED dalam bidang keusahawanan
- Penganjuran seminar dan konferensi keusahawanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- Pengurusan dan penerbitan jurnal antarabangsa, kolaborasi penyelidikan bersama agensi Kerajaan dan industri dalam dan luar Negara
- Menggalakkan usahawan PKS untuk menyertai program Public Private Research Network (PPRN) di seluruh negeri melalui taklimat, hebahan dan promosi

Pengajian

- Penawaran dan pengurusan program akademik : Pengajian keusahawanan peringkat Sarjana (Sarjana Keusahawanan Gunaan – BM721) & Program TIE 2 kepada pelajar PHD
- Menganjurkan lawatan akademik kepada pelajar Sarjana Keusahawanan Gunaan – BM721
- Pengurusan program dalam bidang keusahawanan teknologi di kalangan pelajar





PANDUAN TADBIR URUS

JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI
DAN KEUSAHAWANAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



SENARAI JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JIKJU)
2. Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)

JAWATANKUASA INDUK JARINGAN UNIVERSITI

1.0 Punca Kuasa

1.1 Akta 173: Akta Universiti Teknologi MARA 1976

- Bahagian II, Seksyen 4A (1) (a,b,c) (Punca Kuasa Aktiviti Jaringan)
- Bahagian VI, Seksyen 34 (b) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)
- Bahagian VI, Seksyen 34 (a) (g) (h) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)

1.2 Mesyuarat LPU (Khas) 1 September 2015

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

2.1 Tarikh/Tahun Penubuhan

1 September 2015

2.2 Tempoh Lantikan

2 tahun

3.0 Keanggotaan

- Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (ICAEN)
- Ahli : Penolong Naib Canselor MASMED
: Seorang Pengarah ICAN
: Dua (2) orang Pengarah MASMED
: Tiga (3) orang ahli Senat
: Pendaftar atau wakil tetap yang dilantik
: Bendahari atau wakil tetap yang dilantik
: Penasihat Undang-Undang atau wakil tetap yang dilantik
: Timbalan Pengarah Pusat Jaringan Industri
: Timbalan Pengarah Pusat Jaringan Komuniti
: Timbalan Pengarah Pusat Jaringan Alumni
- Turut Hadir : Ketua Pusat Komunikasi ICAEN
: Ketua Unit Kebolehpasaran Graduan
- Setiausaha : Ketua Pentadbiran ICAEN
- Sekretariat : Pejabat Pentadbiran ICAEN

4.0 Kuasa Melantik

- Pengerusi : Naib Canselor UiTM
- Ahli : Pengerusi
- Setiausaha : Pengerusi

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Minima 2 kali setahun

6.0 Korum

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli mesyuarat termasuk pengurusi

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- 7.1 Mengesyorkan kepada Senat berkaitan dengan aktiviti dan hal ehwal Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan;
- 7.2 Menyediakan garis panduan berkaitan dengan Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan;
- 7.3 Menetapkan sasaran aktiviti Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan untuk dijalankan oleh PTJ;
- 7.4 Mencadangkan penambahbaikan yang berkaitan dengan aktiviti jaringan industri, komuniti, alumni, keusahawanan, aktiviti kebolehpasaran pelajar dan aktiviti penjanaan pendapatan fakulti dan kampus cawangan;
- 7.5 Meluluskan senarai syarikat atau individu yang berminat untuk menyumbang/ menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti dan umum); dan
- 7.6 Meluluskan jenis perniagaan bersesuaian dengan kepakaran kampus / fakulti dan cadangan penjanaan pendapatan di kampus cawangan.

8.0 Agenda Mesyuarat

Agenda Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti adalah seperti berikut:

Pendahuluan : Pegisyiharan kepentingan
: Ucapan Aluan Pengurus

Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara-perkara Berbangkit

Bahagian B : Jaringan Industri & Kebolehpasaran Graduan

Bahagian C : Jaringan Komuniti

Bahagian D : Jaringan Alumni

Bahagian E : Keusahawanan

Bahagian F : Penjanaan Pendapatan/Endowmen

Bahagian G : Hal-hal Lain

9.0 Format Kertas Kerja/Kertas Cadangan

(Bagi tujuan permohonan kelulusan kepada jawatankuasa)

Tajuk Kertas Cadangan

- 1.0 Tujuan
- 2.0 Latar Belakang
- 3.0 Objektif
- 4.0 Implikasi Kewangan
- 5.0 Cadangan Tarikh Dan Tempat
- 6.0 Penutup

Format Pelaporan/ Borang Laporan yang digunakan (Bagi tujuan pelaporan/ pemakluman kepada jawatankuasa yang lebih tinggi)

Penyediaan kertas kerja dibuat oleh pihak Fakulti/Ketua Bahagian/Ketua Pusat/Ketua Unit dengan memberi perhatian kepada perkara berikut :

- i. Mengikut format yang ditetapkan.
 - a. Menggunakan fon Arial saiz 10
 - b. Ringkasan kertas kerja – single spacing
 - c. Kertas kerja – 1.5 lines spacing
 - d. Memajukan kertas kerja lengkap dengan ringkasan kertas kerja, kertas kerja penuh, laporan dan lampiran (jika berkaitan)

- ii. Ringkasan kertas kerja hendaklah disediakan tidak melebihi 3 muka surat sahaja.
- iii. Tarikh penghantaran kesemua dokumen dan kertas kerja adalah tidak kurang daripada 7 hari bekerja sebelum tarikh sebenar mesyuarat JKIJU

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Akta 173: Akta Universiti Teknologi MARA 1976
- ii. Pekeliling Naib Canselor
- iii. Pekeliling Bendahari
- iv. Pekeliling HEP
- v. Surat Kelulusan Naib Canselor
- vi. Minit Mesyuarat JKE ICAN
- vii. Pekeliling Pendaftar yang berkaitan
- viii. Templat laporan UCTC
- ix. Minit Mesyuarat MEU

JAWATANKUASA JARINGAN NEGERI

1.0 Punca Kuasa

1.1 Akta 173: Akta Universiti Teknologi MARA 1976

- Bahagian II, Seksyen 4A (1) (a,b,c) (Punca Kuasa Aktiviti Jaringan)
- Bahagian VI, Seksyen 34 (b) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)
- Bahagian VI, Seksyen 34 (a) (g, h) (Punca Kuasa Menjalankan Tugas bagi Pihak Universiti)
- Bahagian II, Seksyen 11 (Punca Kuasa Melantik Agen)
- Bahagian V, Seksyen 24 (2) (c,d,e,f,g) (Punca Kuasa Penubuhan Tabung Endowmen)
- Bahagian V, Seksyen 25 (1) (2) (Punca Kuasa Penubuhan Tabung Endowmen)
- Bahagian V, Seksyen 28 (1)(2)(3)(4) (Akta 173) (Punca Kuasa Menerima Sumbangan)

1.2 Mesyuarat LPU (Khas) 1 September 2015

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

2.1 Tarikh/Tahun Penubuhan

1 September 2015

2.2 Tempoh Lantikan

2 tahun

3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Rektor

T. Pengerusi : Timbalan Rektor ICAEN

Ahli : Dua (2) orang Timbalan Rektor
: Penolong Rektor (sekiranya ada)
: Timbalan Dekan ICAEN (sekiranya ada)
: Ketua Bahagian Petadbiran Kampus Negeri
: Koordinator atau wakil ICAEN Fakulti Negeri
: Bendahari Negeri atau wakil tetap yang dilantik
: Penasihat Undang-Undang atau wakil tetap yang dilantik
: Wakil Bahagian Pembangunan Negeri

Turut Hadir : Pegawai atau Ketua Projek yang dicadangkan
: Ahli yang dilantik mengikut keperluan

Setiausaha : Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar Negeri

Urusetia : Bahagian ICAEN Negeri

4.0 Kuasa Melantik

- Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (ICAEN)
T. Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (ICAEN)
Ahli : Pengerusi
Setiausaha : Pengerusi

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Minima 2 kali setahun

6.0 Korum

Kehadiran sekurang-kurangnya 2/3 ahli mesyuarat termasuk pengerusi

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- 7.1 Meluluskan kertas cadangan projek bersesuaian dengan polisi Universiti (kecuali UiTM Cawangan Selangor dan UiTM Cawangan berfakulti);
- 7.2 Mengesyorkan program jaringan industri, komuniti, alumni, keusahawanan, dan kebolehpasaran graduan yang merujuk dasar dan garis panduan universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi;
- 7.3 Mengesyorkan program-program jaringan bersama industri, komuniti, alumni, program keusahawanan dan program kebolehpasaran graduan untuk dijalankan oleh fakulti dan PTJ negeri;
- 7.4 Menyediakan laporan berkala kepada Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti;
- 7.5 Mengambil maklum laporan berkala jaringan industri fakulti dan kampus;
- 7.6 Mencadangkan senarai syarikat & individu yang berminat untuk menyumbang/ menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti dan umum);

- 7.7 Mengesahkan senarai syarikat & individu yang berminat untuk menyumbang/ menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti dan umum);
- 7.8 Mencadangkan jenis perniagaan bersesuaian dengan kepakaran fakulti / kampus;
- 7.9 Mengesahkan kertas kerja untuk diperaku oleh Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti;
- 7.10 Mengesahkan penubuhan endowmen peringkat negeri;
- 7.11 Mencadangkan Trust Deed (Arahan Amanah) yang dipersetujui bersama; dan
- 7.12 Mengesahkan senarai MoA/MoU yang disediakan oleh Fakulti dan PTJ.

8.0 Agenda Mesyuarat

Agenda Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen dan Penjanaan Pendapatan Negeri adalah seperti berikut:

Pendahuluan : Pegisytiharan kepentingan
 : Ucapan Aluan Pengerusi

Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
 : Perkara-perkara Berbangkit

Bahagian B : Jaringan Industri & Kebolehpasaran Graduan

Bahagian C : Jaringan Komuniti

Bahagian D : Jaringan Alumni

Bahagian E : Keusahawanan

Bahagian F : Penjanaan Pendapatan/Endowmen

Bahagian G : Perjanjian Persefahaman MoU/MoA/LoI dan Trust Deed (Arahan Amanah)

Bahagian H : Hal-hal Lain

9.0 Format Kertas Kerja/Kertas Cadangan

Tajuk Kertas Cadangan

- 1.0 Tujuan
- 2.0 Latar Belakang
- 3.0 Objektif
- 4.0 Implikasi Kewangan
- 5.0 Cadangan Tarikh Dan Tempat
- 6.0 Penutup

Format Pelaporan/Borang Laporan yang Digunakan (Bagi tujuan pelaporan/pemakluman kepada jawatankuasa yang lebih tinggi)

Penyediaan kertas kerja dibuat oleh pihak Koordinator ICAEN UiTM Kampus Negeri dengan memberi perhatian kepada perkara berikut :

- i. Mengikut format yang ditetapkan.
 - a. Menggunakan fon Arial saiz 10
 - b. Ringkasan kertas kerja – single spacing
 - c. Kertas kerja – 1.5 lines spacing
 - d. Memajukan kertas kerja lengkap dengan ringkasan kertas kerja, kertas kerja penuh, laporan dan lampiran (jika berkaitan)
- ii. Ringkasan kertas kerja hendaklah disediakan tidak lebih daripada 3 muka surat sahaja.
- iii. Tarikh penghantaran kesemua dokumen dan kertas kerja adalah tidak kurang daripada 7 hari bekerja sebelum tarikh sebenar mesyuarat Jawatankuasa Endowmen dan Penjanaan Pendapatan Negeri

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Akta UiTM 1976 (Akta 173).
- ii. Pekeliling Naib Canselor
- iii. Pekeliling Bendahari
- iv. Surat Kelulusan Naib Canselor
- v. Garis Panduan Penjanaan Pendapatan Universiti
- vi. Pelan Stategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)
- vii. Minit Mesyuarat JKIJU
- viii. Minit Mesyuarat MEU

Disediakan oleh :
Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi MARA,
SHAH ALAM

Edisi 2018